**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS** ingin mempelawa calon di **kalangan Warganegara Malaysia** yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan di UPSI.

Senarai kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

| BIL | KUMPULAN PERKHIDMATAN | JAWATAN | GRED | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** | **Pegawai Perubatan** | **UD43/UD44** | **1** |
| 2. | | **Pegawai Pergigian** | **UG44/48/52/54** | **1** |
| 3. | **Kumpulan Pelaksana** | **Pengawal Keselamatan** | **KP11** | **10** |

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN ADALAH PADA : 30 MAC 2017 (KHAMIS)**

**PANDUAN PERMOHONAN**

1. Pemohon perlu mendaftar dan mempunyai akaun dengan *Online Job Application UPSI (myjobs.upsi.edu.my).*

2. Untuk permohonan jawatan kali kedua dan seterusnya, pemohon tidak perlu mendaftar semula atau mewujudkan akaun baru, sebaliknya hanya perlu mengemaskini jawatan yang dipohon dalam akaun sedia ada.

3. Permohonan secara atas talian perlu diisi dengan lengkap kerana permohonan akan diproses menggunakan permohonan atas talian ini. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan tidak akan diproses.

4. Setelah permohonan lengkap diisi,

   4.1 **sila cetak** dan pastikan gambar berjaya dimuat naik/dilekatkan;
   4.2 sila sertakan salinan keputusan-keputusan peperiksaan, sijil-sijil Kokurikulum dan sebagainya yang berkaitan (yang telah disahkan);
   4.3 dihantarkan ke alamat yang tertulis di bawah dan bukan diemel;
   4.4 pemohon yang terdiri daripada warga UPSI (kakitangan bertaraf tetap/ kontrak/ sementara) perlu menghantar permohonan bersama surat iringan kepada Pendaftar UPSI melalui Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj).

5. Pemohon perlu menyemak dari semasa ke semasa pengumuman yang dibuat di bahagian Berita/Maklumat Terkini di myjob.upsi.edu.my untuk mengetahui status terkini permohonan. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pemohon mendakwa tidak mengetahui mengenai status permohonannya disebabkan pemohon tidak menyemak status permohonan secara atas talian di ruangan tersebut.

6. Pemohon diminta mengisi maklumat alamat emel yang aktif. Permohonan secara atas talian ini akan menggunakan emel sebagai salah satu medium komunikasi antara pihak UPSI dan pemohon. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pihak pemohon tidak menerima makluman yang dihantar secara emel kepada pemohon yang disebabkan oleh pemohon tidak mengakses emelnya.

7. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari UPSI dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.

8. Sila hantarkan permohonan ke:

   **Unit Perjawatan**
   **Bahagian Sumber Manusia**
   **Universiti Pendidikan Sultan Idris**
   **35900 Tanjung Malim, Perak**

9. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perjawatan (Bukan Akademik)

   +605-4506328 (En. Mustafa, Pn. Zuraidah, En. Fakhrul Islami)

   myjob@upsi.edu.my

**SYARAT KELAYAKAN**

**1. Pegawai Perubatan Gred UD43/UD44**

<table>
<tr><td rowspan="3">1.</td><td>(a) Jawatan</td><td>:</td><td>Pegawai Perubatan</td></tr>
<tr><td>(b)Kumpulan Perkhidmatan</td><td>:</td><td>Kumpulan Pengurusan dan Profesional</td></tr>
<tr><td>(c) Klasifikasi Perkhidmatan</td><td>:</td><td>Perubatan dan Kesihatan</td></tr>
<tr><td></td><td>Jadual Gaji</td><td>:</td><td><table><tr><td>Gaji Minimum</td><td>Gaji Maksimum</td><td>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</td></tr><tr><td>RM3,611.00</td><td>RM10,560.00</td><td>RM250.00</td></tr></table></td></tr>
<tr><td></td><td>Syarat Lantikan</td><td>:</td><td>• ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia ; atau</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>• calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia ;</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>• mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan ; dan</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>• Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</td></tr>
<tr><td></td><td>Taraf Jawatan</td><td>:</td><td>Tetap</td></tr>
<tr><td></td><td>Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan</td><td>:</td><td>Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.</td></tr>
</table>

**2. Pegawai Pergigian Gred UG44/48/52/54**

<table>
<tr><td rowspan="3">1.</td><td>(a) Jawatan</td><td>:</td><td>Pegawai Pergigian</td></tr>
<tr><td>(b)Kumpulan Perkhidmatan</td><td>:</td><td>Kumpulan Pengurusan dan Profesional</td></tr>
<tr><td>(c) Klasifikasi Perkhidmatan</td><td>:</td><td>Perubatan dan Kesihatan</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Jadual Gaji</td><td>:</td><td><table>
<tr><th>Gred</th><th>Gaji Minimum</th><th>Gaji Maksimum</th><th>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</th></tr>
<tr><td>UG44</td><td>RM3,611.00</td><td>RM10,560.00</td><td>RM250.00</td></tr>
<tr><td>UG48</td><td>RM5,211.00</td><td>RM11,769.00</td><td>RM270.00</td></tr>
<tr><td>UG52</td><td>RM5,860.00</td><td>RM12,449.00</td><td>RM290.00</td></tr>
<tr><td>UG54</td><td>RM6,182.00</td><td>RM13,256.00</td><td>RM320.00</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Syarat Lantikan</td><td>:</td><td>• ijazah dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia ; dan</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>• Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Taraf Jawatan</td><td>:</td><td>Tetap</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan</td><td>:</td><td>Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.</td></tr>
</table>

**3. Pengawal Keselamatan Gred KP11**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | (a) Jawatan | : | **Pengawal Keselamatan** |
| | (b)Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| | (c)Klasifikasi Perkhidmatan | : | Keselamatan dan Pertahanan Awam |
| 2. | Jadual Gaji | : | <table><tr><th>Gred</th><th>Gaji Minimum</th><th>Gaji Maksimum</th><th>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</th></tr><tr><td>KP11</td><td>RM1,205.00</td><td>RM2,939.00</td><td>RM80.00</td></tr></table> |
| 3. | Syarat Lantikan | : | • Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) iaitu:<br>(i)memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'E' dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik; dan 'kepujian' dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, calon hendaklah memperoleh sekurangkurangnya Gred 'C' dalam mata pelajaran berkenaan; atau<br>• Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu:<br>(i) memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'D' dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik; dan kepujian dalam mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Melayu, calon hendaklah memperoleh sekurangkurangnya Gred 'C' dalam mata pelajaran berkenaan; atau |
| | | | • bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;<br>dan |
| 4. | | | • mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:<br>(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;<br>(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;<br>(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;<br>(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);<br>(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;<br>(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan<br>(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar. |
| 5. | Taraf Jawatan | : | Tetap |
| 6. | Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |